

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 JANUARI 2018**

**1. LAPORAN PENCAPAIAN DUA BELAS (12) KEUTAMAAN
YANG DIPERTUA**

Saya mulai ucapan Kenyataan Yang Dipertua bagi tahun 2018 dengan membentangkan laporan pencapaian dua belas (12) Keutamaan Yang Dipertua seperti yang telah dijanjikan oleh saya kepada seluruh penduduk Seberang Perai atau dipanggil sebagai Kontrak Sosial. Dua belas (12) Keutamaan YDP telah dirangka semasa saya dilantik menjadi Yang Dipertua MPSP pada 3 Julai 2017. Keutamaan YDP ini merupakan pelan tindakan yang melibatkan 12 program / aktiviti yang dirancang untuk dilaksana sepanjang tempoh 200 hari bagi meningkatkan mutu perkhidmatan MPSP kepada warga Seberang Perai.

MPSP telah menetapkan 12 keutamaan untuk dicapai dalam tempoh berkenaan iaitu pemotongan rumput dan pembersihan longkang diperluas di kampung, Melaksanakan 'Pocket Park', Cadangan menaiktaraf Perbandaran kepada Bandaraya Rendah

Karbon menjelang 2022, Menyiapkan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, Pelaksanaan sisa 3% per kapita, 'Bike Friendly Community', Bengkel upcycle untuk Local Economic Development (LED), Menganjurkan 'SPICEC 2018', Kempen Garis Panduan, Garis Panduan Pemutihan Kilang Haram, Garis Panduan Warisan Seberang Perai, Penggunaan IoT, Open Data, Cloud Computing dan GIS ke arah 'Smart City'.

Oleh itu pada 15 Januari 2018, genaplah 200 hari saya memegang jawatan YDP MPSP dan dengan Sukacita saya maklumkan bahawa ke semua program / aktiviti keutamaan YDP yang dirancang ini telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Tuan Chow Kon Yeow, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas Dan Tebatan Banjir, YB Dato' Seri Farizan bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, semua Ahli EXCO, Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua - Ketua Jabatan dan seluruh warga Seberang Perai yang memberi sokongan padu dalam menjayakan dua belas (12) pelan tindakan ini.

2. SOAL SELIDIK BAJET MPSP 2019

Sukacitanya di sini saya ingin memaklumkan bahawa Majlis telah menyediakan borang soal selidik bajet 2019 untuk mendapatkan pandangan daripada warga Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh Majlis. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan Majlis memenuhi keperluan dan kepuasan warga Seberang Perai. Soal Selidik ini telah dimuat naik ke dalam laman web MPSP (www.mpsp.gov.my) dan boleh diakses mulai 01 Februari 2018 sehingga 31 Mac 2018.

Warga Seberang Perai yang tidak mempunyai akses internet boleh mendapatkan borang ini daripada Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing. Salinan cetak (*hard copy*) soal selidik bajet 2019 ini juga telah disediakan dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya komuniti daripada pelbagai bangsa dapat memahami soal selidik tersebut dan mengambil bahagian.

Majlis amat menghargai masa dan kerjasama semua warga Seberang Perai dalam memberikan pandangan dan mengisi

borang soal selidik ini. Semua maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet 2019 MPSP. Sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497460 @ norshazila@mpsp.gov.my (Puan Norshazila), 04-5497841 @ rahida@mpsp.gov.my (Pn. Rahida) atau 04-5497890 (Unit Bajet).

3. JADUAL KUTIPAN SAMPAH PUKAL DAN DOMESTIK SEMPERNA TAHUN BARU CINA 2018

Dimaklumkan bahawa bagi memudahkan warga Seberang Perai melupuskan sisa pukal dan domestik sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 16 Februari 2018 ini, maka MPSP akan menambah jadual dan perkhidmatan kutipan sampah di seluruh Seberang Perai. Untuk perkhidmatan pembersihan sampah pukal, MPSP akan memberi perkhidmatan kutipan sampah pukal mulai 12 Februari 2018 sehingga 15 Februari 2018. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan tambahan kepada perkhidmatan sedia ada berbanding kutipan seminggu sekali mengikut jadual biasa.

Untuk perkhidmatan pembersihan sampah domestik pula mulai 15 Februari 2018, kutipan akan dibuat sebanyak dua (2) kali sehari yang melibatkan kutipan dari tong komunal (Tong RORO, Tong CU dan Tong MGB) yang mempunyai kapasiti sampah yang tinggi berbanding kutipan sehari sekali. Kutipan akan dibuat mengikut jadual biasa iaitu pada jam 7 pagi hingga 4 petang bagi kutipan pertama dan pada jam 4 petang hingga 10 malam bagi kutipan kedua. Manakala kutipan sampah bagi tong individu pula akan dijalankan mengikut jadual biasa.

Penduduk juga boleh menghubungi pegawai kawasan (PIC) MPSP bagi mendapatkan perkhidmatan kutipan atau boleh diletakkan bersebelahan dengan tong komunal berdekatan bagi tujuan kutipan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung terus dengan Pegawai Penyelaras Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MPSP iaitu Encik Mohd Naim Bin Mohd Ali (013-4883851), Encik Mohammad Aidil Bin Samsuri (0111-4547178), Encik Zairomzi Nayan (019-4714691) dan Encik Faris Zaki bin Basir (013-2005074).

4. PENGUATKUASAAN TINDAKAN MAHKAMAH YANG AKAN DIAMBIL PADA BULAN FEBRUARI 2018

MPSP mengambil tindakan secara berhemah dengan memberikan notis peringatan supaya semua kompaun tertunggak yang diterima oleh penduduk Seberang Perai perlu dijelaskan segera sebelum MPSP meneruskan dengan tindakan pendakwaan di Mahkamah.

Oleh itu, MPSP merancang untuk mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah terhadap kompaun-kompaun yang masih belum dijelaskan setelah tamat tempoh notis peringatan yang diberikan. Justeru, MPSP telah mengambil tindakan dengan mendaftar sebanyak **496 kes** untuk prosiding kes di mahkamah pada bulan Februari 2018.

Kesalahan-kesalahan yang akan diambil tindakan pendakwaan di Mahkamah bagi bulan Februari 2018 adalah seperti menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan (1 kes), menjalankan perniagaan tanpa lesen (2 kes), kesalahan menyebabkan roda-roda dan tayar-tayar kenderaan tidak dibersihkan (8 kes) dan kesalahan-

kesalahan di bawah Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Berkupon) Majlis Perbandaran Seberang Perai 1995 (485 kes).

Manakala bagi lain-lain kompaun yang masih belum dijelaskan oleh penduduk Seberang Perai, MPSP akan mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah secara berperingkat setelah tamat notis peringatan yang diberikan. Oleh itu, orang ramai yang masih belum menjelaskan kompaun-kompaun adalah dinasihatkan untuk segera menjelaskan kompaun yang masih tertunggak bagi mengelakkan tindakan pendakwaan di Mahkamah.

5. PERMOHONAN UNTUK LESEN PENGANJUR PASAR RAMADAN

Dimaklumkan bahawa awal Ramadan dijangka bermula pada 17 Mei 2018. Oleh itu, permohonan untuk **Lesen Penganjur Pasar Ramadan** akan mula dibuka mulai **01 Februari 2018** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **28 Februari 2018**. Borang-borang untuk penganjur Pasar Ramadan boleh diperolehi mulai **01 Februari 2018** di Kaunter Berpusat Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Kaunter MPSP Cawangan Butterworth di Jalan Kampung

Jawa, Butterworth dan Kaunter MPSP Cawangan Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.

Borang-borang akan diproses oleh Jabatan Pelesenan dan keputusan permohonan akan mula dikeluarkan pada **15 Mac 2018**. Taklimat kepada penganjur dijadualkan akan diadakan pada **05 April 2018**. Sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Jabatan Pelesenan, MPSP ditalian 04-5497679 / 04-5497682.

6. PESTA PONGGAL MPSP TAHUN 2018

Pesta Ponggal MPSP 2018 akan diadakan pada hari Ahad, 11 Februari 2018 mulai jam 8.00 pagi di Rain Forest Garden, Jeti Lama, Butterworth. Antara aktiviti yang akan diadakan ialah Pertandingan-pertandingan Ponggal, Melukis “Kolam”, “Uri Adithal” (pukul periuk tanah berisi air yang digantung) dan Cabutan Bertuah. Perayaan ponggal yang diraikan oleh kaum India ini merupakan program kali kedua yang dianjurkan oleh MPSP. Kali pertama diadakan pada tahun lalu (2017) di Dewan Datuk Haji Ahmad Badawi Butterworth. Semua warga MPSP khasnya kakitangan kaum India MPSP dan penduduk sekitar dijemput hadir

bagi memeriahkan lagi program tersebut. Program ini akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II, Pulau Pinang.

7. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM

Saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Thaipusam yang akan disambut pada 31 Januari 2018 (Rabu) kepada semua penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu dan diharapkan kemeriahan hari ini dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

8. SAMBUTAN TAHUN BARU CINA

Saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh kaum Cina di Seberang Perai yang akan disambut pada 16 Februari 2018 (Jumaat). Diharapkan tahun baharu ini dapat membawa kemakmuran dan kesihatan yang baik sepanjang tahun. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

9. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP iaitu Program MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 4 Februari 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Seterusnya, Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin yang dirancang pada 18 Februari 2018 adalah **dibatalkan** sempena sambutan Tahun Baru Cina dan dibawa ke bulan seterusnya. Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Februari 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.